

Headline	TNB Kilat A pamer belang		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Supplement	Page No	L-16
ArticleSize	433 cm ²	Journalist	Oleh Rudy
PR Value	RM 47,975		



PASUKAN TNB Kilat A bersama piala kemenangan.



■ Muncul USM, bawa juara Terbuka pulang piala Lelaki pusingan, Antarabangsa RM1,000

Oleh Rudy Syareme Sheriffudin
sukan@mediaprima.com.my
Georgetown

Keunggulan pasukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kilat Kuala Lumpur A sukar disangkal apabila muncul juara kategori terbuka lelaki perdana Pesta Hoki Antarabangsa Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang 2013 di USM, baru-baru ini.

TNB Kilat A berjaya mengalahkan Pusat Sukan Tumpuan, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2-1 sekali gus berjaya membawa pu-

lang Piala Pusingan Sultan Azlan Shah, wang tunai RM1,000, medal dan hamper tajaan Nestle.

Bagi kategori lelaki terbuka klasik, Kelab Sukan Staf USM A muncul juara selepas menewaskan Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) A, 3-1 manakala Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) Platinium mengalahkan UPSI Titanium, 1-0 bagi kategori wanita.

UPSI Crystal turut cemer-

lang apabila berjaya muncul juara kategori lelaki veteran terbuka selepas menumpaskan pasukan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), 3-0.

Dalam kategori remaja lelaki bawah 18 tahun, Taiwan B muncul juara selepas mengalahkan Institut St Paul, 3-2 manakala kategori remaja wanita bawah 18 tahun pula dimenangi pasukan Tsunami X yang menewaskan Hanelang Warrior, 1-0.

Hadiah kepada pemenang disampaikan Raja Muda Perak Raja Dr Nazrin Shah. Hadir sama di majlis penyampaian hadiah, Naib Canselor USM Prof Dato Dr Omar Osman dan Pro Canselor USM Tan Sri Mustafa Mansur.

Kejohanan edisi ke-40 itu disertai 313 pasukan pelbagai institusi pendidikan seluruh negara dan pasukan dari Sri Lanka, India, Thailand, Taiwan, UAE, Uzbekistan, Taiwan dan Indonesia.